



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***HUBUNGAN ANTARA PENERIMAAN DAN PENGGUNAAN MEDIA  
SOSIAL DENGAN GAYA PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN MURID  
SEKOLAH MENENGAH DAERAH GOMBAK***

**NOR ASHIKIN BINTI MOHAMMAD**

**FPP 2017 26**



**HUBUNGAN ANTARA PENERIMAAN DAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL  
DENGAN GAYA PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN MURID  
SEKOLAH MENENGAH DAERAH GOMBAK**

Oleh

**NOR ASHIKIN BINTI MOHAMMAD**

**Tesis Ini Dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai  
memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

**Mei 2017**

## **HAK CIPTA**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**HUBUNGAN ANTARA PENERIMAAN DAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL  
DENGAN GAYA PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH  
MENENGAH DAERAH GOMBAK**

Oleh

**NOR ASHIKIN BINTI MOHAMMAD**

**Mei 2017**

Pengerusi:      **Norlizah Binti Che Hassan, PhD**  
Fakulti :        **Pengajian Pendidikan**

Kajian ini bertujuan menganalisis gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar dan faktor-faktor penerimaan dan penggunaan media sosial dalam kalangan mereka. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti gaya pembelajaran pelajar Tingkatan 4 berdasarkan jantina dan bidang elektif, faktor-faktor penerimaan dan penggunaan media sosial dalam kalangan mereka, hubungan penerimaan dan penggunaan media sosial dengan gaya pembelajaran dan faktor-faktor penerimaan dan penggunaan media sosial yang mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar Tingkatan 4 di daerah Gombak. Penyelidik menggunakan Teori Connectivism untuk menjelaskan keperluan individu dalam menimba ilmu pada zaman sekarang. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dan menggunakan kaedah tinjauan untuk mendapatkan data. Seramai 376 orang pelajar Tingkatan 4 di daerah Gombak telah dipilih sebagai sampel kajian dengan menggunakan kaedah persampelan rawak sistematis berasaskan ciri-ciri sampel yang telah ditetapkan. Gaya pembelajaran pelajar ditentukan dengan menggunakan *Inventori Skala Gaya Pembelajaran Grasha dan Riechmann* manakala penerimaan dan penggunaan media sosial diukur menggunakan soal-selidik yang diubahsuai daripada Model Penerimaan Teknologi (Technonoly Acceptance Model) oleh Davis (1989).

Hasil kajian menunjukkan gaya pembelajaran Kolaboratif ( $\text{min}= 3.81$ ,  $S.P= .82$ ), Bergantung ( $\text{min}= 3.75$ ,  $S.P= .85$ ) dan Kompetitif ( $\text{min}= 3.68$ ,  $S.P= .94$ ) merupakan gaya pembelajaran dominan yang diamalkan oleh pelajar Tingkatan 4 di daerah Gombak. Faktor utama penerimaan media sosial dalam kalangan mereka ialah faktor Kaitan ( $\text{min}= 4.01$ ,  $S.P= .82$ ) dan faktor Rangkaian Antara Peribadi dan Sosial ( $\text{min}= 3.96$ ,  $S.P= .87$ ) manakala faktor Motivasi Interaksi Sosial ( $\text{min}= 3.96$ ,  $S.P= .86$ ), Motivasi Hiburan ( $\text{min}= 3.94$ ,  $S.P= .92$ ) dan Motivasi Perkongsian Maklumat ( $\text{min}= 3.85$ ,  $S.P= .86$ ) adalah faktor-faktor penggunaan media sosial bagi pelajar-pelajar tersebut. Kajian seterusnya mendapati tidak terdapat perbezaan gaya pembelajaran yang signifikan di antara pelajar lelaki ( $\text{min}= 3.53$ ,  $S.P= .29$ ) dan perempuan ( $\text{min}= 3.54$ ,  $S.P= .27$ ), iaitu  $t= -.421$ ,  $p= .674$  dan tidak terdapat perbezaan gaya pembelajaran yang signifikan di antara ketiga-tiga

kumpulan pelajar yang terdiri daripada pelajar bidang Sains Tulen, Teknologi, dan Kemanusiaan,  $F(2, 373) = 2.39$ ,  $P = .093$ . Selain itu, kajian juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran dengan faktor-faktor penerimaan media sosial ( $r = .376$ ,  $n = 376$ ,  $p < .05$ ) dan gaya pembelajaran dengan faktor-faktor penggunaan media sosial ( $r = .356$ ,  $n = 376$ ,  $p < .05$ ). Hasil daripada dapatan tersebut menunjukkan faktor Kaitan (Faktor Penerimaan Media Sosial) ( $t = 2.69$ ,  $p < .05$ ) dan faktor Motivasi Perkongsian Maklumat (Faktor Penggunaan Media Sosial) ( $t = 2.01$ ,  $p < .05$ ) mempunyai pengaruh signifikan terhadap gaya pembelajaran pelajar Tingkatan 4 di daerah Gombak.

Kajian ini telah membuktikan bahawa pelajar di peringkat menengah telah bersedia untuk menggunakan media sosial sebagai cabang dalam amalan gaya pembelajaran mereka. Dapatan ini dapat membantu pihak Kementerian Pendidikan untuk menyediakan garis panduan penggunaan media sosial dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar di peringkat menengah.

Abstract of the thesis presented to the senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment  
of the requirement for the degree of Master of Science

**THE RELATIONSHIP BETWEEN ACCEPTANCE AND USAGE OF SOCIAL  
MEDIA WITH LEARNING STYLES AMONG SECONDARY STUDENTS IN  
THE GOMBAK DISTRICT**

By

**NOR ASHIKIN BINTI MOHAMMAD**

**May 2017**

**Chairman : Norlizah Binti Che Hassan PhD**  
**Faculty : Educational Studies**

The study was conducted to analyse the different learning styles adopted by the students and the acceptance factors and social media usage amongst them. The main objectives of this study were to identify the learning styles of Form 4 students based on the different genders and the elective subjects that they undertook; acceptance factors and social media usage among them; the relationships between acceptance factors and social media usage and learning styles; and acceptance factors and social media usage which influence the learning styles of Form 4 students in the Gombak district. The researcher used the Connectivism theory to explain the needs to gain knowledge in the interconnected world. This study was quantitative in nature and it used the survey method to collect data. A total of 376 Form 4 students in the Gombak district were chosen as samples using the systematic random sampling method based on the pre-determined characteristics of the samples. Students' learning styles were determined using Grasha and Riechmann's Learning Style Inventory Scale, while the acceptance factors and social media usage were measured using a set of questionnaire which was adapted from the Technology Acceptance Model by Davis (1989).

The results showed that Collaborative (mean = 3.81, S.D = .82), Dependent (mean = 3.75, S.D = .85), and Competitive (mean = 3.68, S.D = .94) were the dominant learning styles of the Form 4 students in the Gombak district. The main social media acceptance factors among them were the Relevance factor (mean = 4.01, S.D = .82), the Networking factor between personal and social (mean = 3.96, S.D = .87). The social media usage factors were Social Interaction Motivation (mean = 3.96, S.D = .86), Entertainment Motivation (mean = 3.94, S.D = .92), and Information Sharing Motivation (Mean = 3.85, S.D = .86). The study also showed that there were no significant differences between male (mean = 3.53, S.D = .29) and female (mean = 3.54, S.D = .27) students, in which  $t = .421$ ,  $p = .674$ . Furthermore, there was no significant difference in learning style among the three

groups of students (Pure Science, Technology, and Humanity),  $F(2,373) = 2.39$ ,  $P = .093$ . Besides that, the study also showed that there was a significant relationship (Cohen, 1988) between students' learning styles and social media acceptance factors ( $r = .376$ ,  $n = 376$ ,  $p < .05$ ), and students' learning styles and social media usage ( $r = .356$ ,  $n = 376$ ,  $p < .05$ ). The regression analysis showed that the Networking factor (Social media acceptance factor) ( $t = 2.69$ ,  $p < .05$ ) and Information Sharing motivation (Social media usage factor) ( $t=2.01$ ,  $p <.05$ ) have significant influence on the Form 4 students in the Gombak district.

This study has proven that students at the secondary level are ready to use the social media as one of the options with regards to their learning styles. The findings could be used by the Ministry of Education in preparing the guidelines on the use of social media in the teaching and learning process involving secondary level students.

## **PENGHARGAAN**

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Syukur Alhamdulillah kepada Allah S.W.T kerana dengan izinNya dapatlah saya melengkapkan keperluan pengajian saya selama dua tahun ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Tesis, Dr. Norlizah Binti Che Hassan dan Dr. Shaffee Bin Mohd Daud, selaku Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Tesis, kerana sentiasa bersedia memberikan bimbingan, tunjuk ajar, sokongan dan motivasi di sepanjang proses penyediaan tesis ini.

Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor kerana memberikan kebenaran kepada saya untuk menjalankan penyelidikan di sekolah-sekolah menengah di daerah Gombak.

Ribuan terima kasih juga saya rakamkan kepada pengetua-pengetua sekolah-sekolah menengah di daerah Gombak yang terpilih dalam kajian ini kerana telah memberikan kerjasama yang amat baik semasa saya melaksanakan penyelidikan di sekolah mereka. Tidak lupa juga kepada guru-guru dan pelajar-pelajar yang terlibat dalam penyelidikan ini, ribuan terima kasih saya ucapkan.

Akhir sekali, terima kasih yang tidak terhingga buat kedua ibu bapa dan keluarga yang sentiasa mendoakan dan memberikan sokongan kepada saya, dan yang paling utama, buat suami yang tercinta, kerana kejayaan ini adalah berkat sokongan dan kepercayaan beliau terhadap saya. Sekian, terima kasih.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 25 Mei 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Nor Ashikin binti Mohammad bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Hubungan antara Penerimaan dan Penggunaan Media Sosial dengan Gaya Pembelajaran dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah Daerah Gombak" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakarkan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Ramli Basri, PhD**  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Hj. Jamaludin bin Ahmad, PhD**  
Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Mansor Mohd Noor, PhD**  
Profesor  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

**NOR AINI AB. SHUKOR, PhD**  
Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 4 September 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Sarjana Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Norlizah bt Che Hassan, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Shaffe Mohd Daud, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

---

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## **Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Caunselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012–2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbas dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Nor Ashikin Binti Mohammad (GS42069)

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012– 2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: Dr. Norlizah Che Hassan

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama

Jawatankuasa

Penyeliaan: Dr. Shaffee Mohd, Daud

## ISI KANDUNGAN

	Halaman
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi

### BAB

<b>1 LATAR BELAKANG KAJIAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	3
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Persoalan Kajian	5
1.6 Hipotesis Kajian	6
1.7 Kepentingan Kajian	6
1.8 Batasan Kajian	7
1.9 Definisi Istilah	7
1.9.1 Gaya Pembelajaran	7
1.9.1.1 Gaya Pembelajaran Bebas	8
1.9.1.2 Gaya Pembelajaran Mengelak	8
1.9.1.3 Gaya Pembelajaran Kolaboratif	8
1.9.1.4 Gaya Pembelajaran Bergantung	9
1.9.1.5 Gaya Pembelajaran Kompetitif	9
1.9.1.6 Gaya Pembelajaran Turut Serta	9
1.9.2 Media Sosial	10
1.9.2.1 Penerimaan Media Sosial	10
1.9.2.2 Penggunaan Media Sosial	11
1.10 Rumusan	12
<b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	13
2.2 Teori Connectivism	13
2.3 Model Penerimaan Teknologi (TAM)	14
2.4 Model Gaya Pembelajaran Grasha-Riechmann	15
2.5 Kerangka Teoritikal Kajian	16
2.6 Kajian-Kajian Lepas	17
2.6.1 Kajian Menggunakan Skala Inventori Gaya Pembelajaran Grasha-Riechmann	17
2.6.2 Kajian Menggunakan Skala Inventori Gaya Pembelajaran Grasha-Riechmann Berdasarkan Jantina	18
2.6.3 Kajian Menggunakan Skala Inventori Gaya Pembelajaran Grasha-Riechmann Berdasarkan Bidang Elektif	19
2.6.4 Kajian Penerimaan dan Penggunaan Media Sosial	20

2.6.5 Kajian Hubungan Penerimaan dan Penggunaan Media Sosial dengan Gaya Pembelajaran	23
2.6.6 Kajian Pengaruh Penerimaan dan Penggunaan Media Sosial terhadap Gaya Pembelajaran	25
2.7 Kerangka Konseptual Kajian	25
2.8 Rumusan	26
<b>3 METODOLOGI</b>	
3.1 Pengenalan	28
3.2 Reka Bentuk Kajian	28
3.3 Lokasi Kajian	28
3.4 Populasi dan Persampelan Kajian	29
3.4.1 Populasi	29
3.4.2 Sampel Kajian	30
3.5 Instrumen Kajian	32
3.6 Kajian Rintis	35
3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian	35
3.8 Analisis Kajian	37
3.8.1 Analisis Penerokaan Data	38
3.9 Prosedur Kajian	42
3.10 Rumusan	42
<b>4 DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1 Pengenalan	43
4.2 Maklumat Demografi Responden	43
4.3 Analisis Deskriptif	48
4.3.1 Gaya Pembelajaran	48
4.3.1.1 Gaya Pembelajaran Bebas	49
4.3.1.2 Gaya Pembelajaran Mengelak	50
4.3.1.3 Gaya Pembelajaran Kolaboratif	51
4.3.1.4 Gaya Pembelajaran Bergantung	52
4.3.1.5 Gaya Pembelajaran Kompetitif	53
4.3.1.6 Gaya Pembelajaran Turutserta	54
4.3.2 Penerimaan Media Sosial	55
4.3.2.1 Faktor Mudah Guna	55
4.3.2.2 Faktor Kemanfaatan	56
4.3.2.3 Faktor Rangkaian Peribadi dan Sosial	57
4.3.2.4 Faktor Kaitan	57
4.3.3 Penggunaan Media Sosial	58
4.3.3.1 Faktor Motivasi Interaksi Sosial	59
4.3.3.2 Faktor Motivasi Hiburan	60
4.3.3.3 Faktor Motivasi Pembentukan Identiti	60
4.3.3.4 Faktor Motivasi Perkongsian Maklumat	61
4.4 Analisis Inferensi	62
4.4.1 Gaya Pembelajaran Mengikut Jantina	62
4.4.2 Gaya Pembelajaran Mengikut Bidang Elektif	64
4.4.3 Hubungan Antara Penerimaan dan Penggunaan Media Sosial dengan Gaya pembelajaran	64
4.4.4 Faktor-Faktor Penerimaan dan Penggunaan Media Sosial yang Mempengaruhi Gaya Pembelajaran	67
4.5 Rumusan	69

<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI, CADANGAN DAN PENUTUP</b>	
<b>5</b>	
5.1 Pengenalan	70
5.2 Rumusan	70
5.3 Perbincangan	71
5.3.1 Gaya Pembelajaran	71
5.3.2 Penerimaan Media Sosial	72
5.3.3 Penggunaan Media Sosial	73
5.3.4 Gaya Pembelajaran Berdasarkan Jantina	74
5.3.5 Gaya Pembelajaran Berdasarkan Bidang Elektif	75
5.3.6 Hubungan Penerimaan Media Sosial dengan Gaya Pembelajaran	76
5.3.7 Hubungan Penggunaan Media Sosial dengan Gaya pembelajaran	76
5.3.8 Pengaruh Penerimaan dan Penggunaan Media Sosial terhadap Gaya Pembelajaran	77
5.4 Implikasi Kajian	78
5.4.1 Implikasi Teoritikal	78
5.4.2 Implikasi Praktikal	78
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	80
5.6 Penutup	80
<b>BIBLIOGRAFI</b>	83
<b>LAMPIRAN</b>	90
<b>BIODATA PELAJAR</b>	109

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Halaman</b>
2.1	Enam Jenis Gaya Pembelajaran Grasha dan Ciri-Cirinya	15
3.1	Bilangan Populasi Bagi Pelajar Tingkatan 4 Di Daerah Gombak	30
3.2	Taburan Item Gaya Pembelajaran	33
3.3	Skala Pemarkatan Model Gaya Pembelajaran Grasha dan Riechmann	33
3.4	Taburan Item Faktor-Faktor Penerimaan Media Sosial	34
3.5	Taburan Item Faktor-Faktor Penggunaan Media Sosial	34
3.6	Skala Pemarkatan Faktor-faktor Penerimaan dan Penggunaan Media Sosial	35
3.7	Hasil Kajian Rintis	36
3.8	Ringkasan Pengujian Statistik Objektif Kajian	37
3.9	Ujian Kepencongan (Skewness dan Kurtosis)	42
4.1	Responden Mengikut Jantina	44
4.2	Responden Mengikut Bidang Elektif	44
4.3	Latar Belakang Penggunaan Media	45
4.4	Tempat Penggunaan Internet	46
4.5	Aktiviti Ketika Melayari Internet	46
4.6	Alat yang Digunakan untuk Mengakses Media Sosial	47
4.7	Web 2.0 atau Media Sosial yang Digunakan	48
4.8	Analisis Gaya Pembelajaran Bebas	49
4.9	Analisis Gaya Pembelajaran Mengelak	50
4.10	Analisis Gaya Pembelajaran Kolaboratif	51
4.11	Analisis Gaya Pembelajaran Bergantung	52
4.12	Analisis Gaya Pembelajaran Kompetitif	53
4.13	Analisis Gaya Pembelajaran Turutserta	54
4.14	Min Keseluruhan Gaya Pembelajaran Pelajar	54
4.15	Analisis Faktor Mudah Guna	55
4.16	Analisis Faktor Kemanfaatan	56
4.17	Analisis Faktor Rangkaian antara Peribadi dan Sosial	57
4.18	Analisis Faktor Kaitan	57
4.19	Tahap Penerimaan Media Sosial	58
4.20	Analisis Faktor Motivasi Interaksi Sosial	59
4.21	Analisis Faktor Motivasi Hiburan	59
4.22	Analisis Faktor Motivasi Pembentukan Identiti	60
4.23	Analisis Faktor Motivasi Perkongsian Maklumat	61
4.24	Tahap Penggunaan Media Sosial	61

4.25	Ujian-t Tidak Bersandar Bagi Setiap Jenis Gaya Pembelajaran Mengikut Jantina	63
4.26	ANOVA Satu Hala Bagi Perbandingan Min Gaya Pembelajaran Antara Bidang Sains Tulen, Teknologi dan Kemanusiaan	64
4.27	Jadual Kekuatan Korelasi (Cohen, 1988)	65
4.28	Analisis Korelasi Pearson Bagi Penerimaan Media Sosial Dengan Jenis-Jenis Gaya Pembelajaran	65
4.29	Analisis Korelasi Pearson Bagi Penggunaan Media Sosial dengan Jenis-Jenis Gaya Pembelajaran	66
4.30	Analisis Korelasi Pearson Bagi Penerimaan dan Penggunaan Media Sosial Dengan Gaya Pembelajaran	66
4.31	Analisis Regresi Pelbagai Terhadap Penerimaan dan Penggunaan Media Sosial	68
4.32	Jadual Ringkasan Model	68

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
2.1	Kerangka Teoretikal Kajian	16
2.2	Kerangka Konseptual Kajian	26
3.1	Pengiraan Saiz Sampel Menggunakan Kalkulator Saiz Sampel Raosoft	31
3.2	Pengiraan Saiz Sampel Menggunakan Formula Cochran (1977)	31
3.3	Boxplot Bagi Gaya Pembelajaran, Faktor-faktor Penerimaan dan Penggunaan Media Sosial	38
3.4	Histogram Bagi Gaya Pembelajaran, Faktor-faktor Penerimaan dan Penggunaan Media Sosial	40
3.5	Normal Probability Plots (Q-Q Plots)	41

## **SENARAI SINGKATAN**

IT	Information Technology
TAM	Technology Acceptance Model
SPSS	Statistical Package for the Social Sciences
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Bab ini akan membincangkan kepentingan dan fungsi gaya pembelajaran yang dipraktikkan oleh pelajar bagi membantu mereka mendapatkan pemahaman yang optimum dalam sesuatu subjek. Gaya pembelajaran yang pelbagai dapat membantu pencapaian akademik pelajar. Walaupun pelajar tidak didedahkan dengan gaya pembelajaran tertentu secara formal, namun setiap individu yang belajar pasti mempunyai gaya pembelajaran mereka sendiri. Pelajar tidak semestinya hanya mempunyai satu gaya pembelajaran sahaja tetapi rata-rata mereka mempunyai gaya pembelajaran yang lebih dominan daripada yang lain.

Bab ini juga membincangkan fenomena kebergantungan pelajar terhadap media sosial yang sering dianggap ancaman oleh para ilmuan dan ibu bapa. Seiring dengan perkembangan teknologi internet, guru perlu mengambil peluang ini untuk memastikan minat pelajar terhadap media sosial dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam membantu pembelajaran mereka. Penglibatan aktif pelajar dalam media sosial perlu digandingkan dengan gaya pembelajaran mereka supaya objektif pendidikan dapat terlaksana tanpa mengenepekan minat asal mereka terhadap internet.

Seterusnya bab ini akan membincangkan permasalahan dan persoalan kajian selain menyenaraikan objektif dan kepentingan kajian yang akan dijalankan. Seperti kajian-kajian lain, kajian ini juga mempunyai batasan-batasan tertentu yang akan turut dinyatakan. Bagi memudahkan pemahaman pembaca, definisi operasional dan organisasi kajian turut dimasukkan dalam bab ini.

#### **1.2 Latar Belakang Kajian**

Gaya pembelajaran setiap individu dipengaruhi oleh personaliti tersendiri yang ternyata berbeza antara satu sama lain. Gaya pembelajaran individu turut dipengaruhi oleh faktor emosi, faktor persekitaran, faktor fisiologi, faktor psikologi dan faktor sosiologi. Walaupun setiap individu berkemungkinan mempunyai gabungan beberapa gaya pembelajaran ketika mereka belajar secara formal atau tidak formal, namun sudah pasti mereka mempunyai satu gaya pembelajaran yang lebih dominan daripada yang selainnya.

Gaya pembelajaran ini dapat membantu pelajar untuk mendapatkan ilmu semaksimum yang mungkin dan merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi pencapaian individu tersebut (Graf dan Liu, 2009). Tambahan pula dengan menggunakan gaya pembelajaran yang berkesan untuk individu tertentu dapat menjadikan mereka pelajar yang cemerlang (Cassidy dan Eachus, 2000). Perkara ini turut disokong oleh Zubaidah Begam Mohammed Zakaria (2007).

Walau bagaimanapun apa yang berlaku di dalam bilik darjah, tanpa sedar, pelajar menggunakan gaya pembelajaran yang telah diatur oleh guru-guru mengikut kesesuaian guru-guru itu sendiri. Situasi ini perlu diberi perhatian kerana gaya pembelajaran merupakan faktor utama untuk menentukan kegagalan dan kejayaan seseorang (Meor Ibrahim Kamaruddin dan Assaadah Mohamad, 2011). Di samping itu, pembelajaran perlu mengambil kira keperluan dan kepelbagaiannya murid untuk memastikan keberkesanannya.

Bersetujuan dengan pendidikan abad ke 21, guru-guru sepatutnya peka dengan teknik pengajaran yang terkini demi menjamin kualiti pengajaran mereka. Sejarah dengan perkembangan teknologi, teknik pengajaran juga perlu diinovasi mengikut trend terkini untuk memastikan pelajar-pelajar memberikan respon yang sebaiknya semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Khalid Mohamed Nor (1993) berpendapat pembelajaran yang berkesan memerlukan usaha yang teratur, mempunyai sistem yang tertib dan menyatupadukan komponen-komponen pembelajaran untuk mencapai kejayaan yang maksimum. Selain itu, gaya pengajaran guru dan gaya pembelajaran pelajar yang tidak berpadanan akan mengakibatkan pelajar menjadi bosan dan seterusnya tidak memberikan perhatian yang sepenuhnya semasa di dalam kelas (Felder dan Silvermann, 1988).

Perkembangan ilmu pendidikan berlaku seiring dengan perkembangan teknologi yang pesat. Internet telah menjadi satu keperluan yang wajib ada di setiap rumah pada zaman revolusi teknologi telekomunikasi dan multimedia dalam dunia tanpa sempadan ini. Kerajaan dengan bantuan Dana 1Malaysia telah mengambil inisiatif menyumbang kira-kira 500,000 unit *netbook* kepada pelajar sekolah menengah yang terpilih supaya mereka dapat memanfaatkan teknologi yang tersedia bagi membantu proses pembelajaran mereka. Di samping itu, usaha ini juga diharapkan dapat membantu meningkatkan kadar celik IT dalam kalangan masyarakat khususnya pelajar. Bagi membantu keluarga berpendapatan rendah menikmati pelbagai manfaat penggunaan internet, Telekom Malaysia telah bekerjasama dalam program jalur lebar yang menawarkan internet harga murah iaitu RM38.00 sebulan bagi kelajuan 384 kbps (*kilobyte per second*). Dengan ini, tuntutan semasa agar masyarakat dapat menguasai ilmu IT dan boleh mengaplikasikan ilmu tersebut di dalam apa juga bidang yang mereka ceburi dapat dipenuhi. Usaha-usaha yang telah dilaksanakan ini membuktikan komitmen kerajaan untuk membantu aspirasi negara seiring dengan wawasan 2020 untuk melahirkan modal insan kelas pertama dapat direalisasikan.

Walaupun internet dan media sosial telah menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat kini, peranan internet dan media sosial telah banyak dibahaskan oleh para ilmuan bagi mendapatkan penjelasan yang sebenarnya tentang baik buruknya internet kepada masyarakat khususnya para pelajar.

Penerimaan dan penggunaan media sosial sebagai salah satu sumber ilmu merupakan fenomena dunia pendidikan masa kini terutamanya dalam kalangan pelajar universiti. Pelajar dan media sosial tidak lagi boleh dipisahkan kerana kebergantungan mereka terhadap media ini tidak dapat dinafikan lagi. Menurut Tham dan Ahmad (2011) dan Manjunatha (2013), pelajar menggunakan jaringan sosial sebagai alat komunikasi

antara rakan sebaya, guru-guru dan pensyarah mereka untuk perbincangan yang dibuat secara informal. Selain itu, media sosial juga digunakan untuk berkongsi maklumat sesama mereka (Junco, Helbergert dan Loken, 2011). Pendapat mereka turut disokong oleh Correa, Hinsley dan De Zuniga (2010) yang mengatakan media sosial membantu pelajar berhubung, berkomunikasi dan berinteraksi antara satu sama lain. Suatu budaya baharu telah dicipta oleh media sosial di mana proses belajar para pelajar bukan hanya wujud di dalam konteks ruangan fizikal tetapi di dalam ruangan maya juga. Komunikasi media sosial yang terjalin dengan baik akan mewujudkan suasana belajar di mana guru sebagai fasilitator berbanding sebagai penyumbang ilmu. Justeru, penggunaan laman media sosial secara lebih meluas selari dengan perkembangan teknologi dan internet adalah perlu dalam pendidikan masa kini berbanding pendekatan secara konvensional.

Teknologi internet seperti e-mel dan laman web yang ada di peringkat awal telah semakin berkembang dengan munculnya blog, Wikipedia dan laman rangkaian sosial dari Teknologi Web 2.0 yang juga dikenali sebagai Web Sosial (Hartshorn dan Ajjan, 2009). Penglibatan secara individu dalam kalangan pelajar dan guru juga akan menjadi lebih aktif (Hartshorne dan Ajjan, 2009; Maloney, 2007; Lee dan McLoughlin, 2007). Pendapat mereka ini jelas menyokong kepentingan Teknologi Web 2.0 dalam pengajaran dan pembelajaran masa kini. Menurut Kop (2011), Teknologi internet telah memberi sumbangan terbesar dalam pendidikan dengan mewujudkan penyebaran kandungan pembelajaran tanpa sempadan. Perkara ini dapat digunakan sebagai sumber untuk membantu pembelajaran pelajar tanpa mengabaikan fungsi guru di dalam bilik darjah. Secara kesimpulannya, proses pengajaran dan pembelajaran harus difokuskan kepada pencapaian hasil pembelajaran yang melibatkan empat domain utama iaitu domain kognitif (pengetahuan), psikomotor (kemahiran fizikal), afektif, dan sosial (teknologi dan Internet).

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Kajian Kern (2006), Chambers (2010), Kaplan dan Haenlein (2010) dan Weller (2011) telah membuktikan keberkesanannya teknologi bagi memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, kajian-kajian yang lebih mengkhusus kepada peranan media sosial sebagai pemangkin dalam proses pembelajaran pelajar juga telah banyak dijalankan. Kajian Wardrip-Fruin dan Montfort (2003) mendapati penglibatan golongan remaja dalam perkongsian secara maya, khususnya melalui media sosial adalah dalam kalangan mereka yang terdedah kepada teknologi maklumat dari usia muda. Selain itu, media sosial juga boleh dijadikan platform kepada pelajar untuk membantu mereka berinteraksi dengan lebih mudah (Annand, 2011; Azer, 2012). Peranan media sosial dalam membantu proses pembelajaran pelajar sudah tidak dapat disangkal lagi. Media sosial telah dibuktikan dapat memperkuuhkan perkongsian ilmu pengetahuan dalam kalangan rakan sebaya (Junco et al., 2011).

Kajian-kajian yang telah dijalankan di luar negara juga telah membuktikan penggunaan media sosial, khususnya *Facebook* dalam proses pembelajaran pelajar membawa banyak kesan positif. Kajian yang dijalankan oleh Hogg dan Terry (2014) mendapati *Facebook* menggalakkan kolaborasi dan motivasi dalam kalangan pelajar semasa menjalankan aktiviti yang dijalankan di luar kampus.

Kajian berkaitan media sosial juga bertumpu kepada sejauh mana keberkesanan aplikasi media sosial dalam pembelajaran bahasa seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Arab dan Bahasa German. Kajian Chuah (2013) telah mendapati media sosial seperti *Facebook*, *Wiki*, *YouTube* dan *Twitter* banyak membantu pelajar prasiswazah yang mengikuti kursus pengukuhan Bahasa Inggeris meningkatkan kemahiran dan pengetahuan Bahasa Inggeris mereka.

Walau bagaimanapun, terdapat juga kajian-kajian yang menunjukkan percanggahan daptan berkaitan isu penggunaan media sosial dalam pembelajaran. Antara daptan kajian yang diperolehi ialah media sosial memberikan kesan negatif terhadap pencapaian akademik pelajar memandangkan pelajar menjadi ketagih menggunakan media sosial (Balakrishnan, 2016; Almadhoun, et al., 2014; Zaremohzzabieh, et al., 2014).

Gaya pembelajaran pula merupakan salah satu elemen yang perlu diberi perhatian oleh guru dan ibu bapa bagi memastikan proses pembelajaran pelajar dapat mencapai tahap yang maksimum. Gaya pembelajaran juga merupakan satu elemen penting sebagai penentu kejayaan dan kegagalan seseorang pelajar (Meor Ibrahim dan Assaadah, 2011). Justeru, gaya pembelajaran pelajar masa kini perlu seiring dengan perkembangan dunia teknologi agar kedua-duanya dapat memberi manfaat kepada pelajar memandangkan minat mereka terhadap internet dan media sosial tidak dapat disangkal lagi.

Rentetan kajian yang dijalankan oleh Rossafri Mohamad dan Shabariah Mohamad Sharieff (2011) yang telah membuktikan kaedah perbincangan yang dijalankan semasa proses pembelajaran melalui penggunaan laman sosial Facebook mampu meningkatkan motivasi, gaya pembelajaran dan kefahaman pelajar dalam subjek Sejarah, kajian ini dijalankan untuk mengkaji hubungan antara gaya pembelajaran dengan penerimaan dan penggunaan media sosial dalam proses pembelajaran dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Kajian sebelum ini banyak menumpukan pelajar-pelajar peringkat tertiari berbanding peringkat sekolah menengah. Seiring dengan hasrat kerajaan untuk mengoptimumkan penggunaan teknologi di dalam proses pengajaran dan pembelajaran khususnya, maka kajian ini harus dilaksanakan di peringkat lebih awal iaitu di peringkat sekolah menengah supaya tindakan selanjutnya dapat disusun-atur bagi membantu perlaksanaannya berjalan seawal mungkin. Kajian seumpama ini perlu dilakukan untuk melihat adakah pelajar di peringkat sekolah menengah telah bersedia untuk menerima dan menggunakan media sosial dalam proses pembelajaran mereka pada masa kini. Kajian ini juga adalah untuk melihat sama ada penerimaan dan penggunaan media sosial di dalam proses pembelajaran pelajar sekolah menengah ini dipengaruhi oleh gaya pembelajaran mereka yang berbeza-beza. Kajian ini dibuat berdasarkan Teori Connectivism, Model Penerimaan Teknologi (TAM) dan Model Pembelajaran Grasha-Riechmann.

## **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti gaya pembelajaran dan perbezaan gaya pembelajaran antara pelajar lelaki dan perempuan, dan pelajar berlainan bidang elektif. Kajian juga dijalankan bagi mengenalpasti faktor-faktor penerimaan dan penggunaan media sosial dalam kalangan mereka. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan mengenalpasti hubungan antara gaya pembelajaran dan faktor-faktor penerimaan dan penggunaan media sosial, di samping mengenalpasti faktor-faktor penerimaan dan penggunaan media sosial yang mempengaruhi gaya pembelajaran mereka.

Secara khususnya, objektif kajian adalah seperti berikut:

- 1.4.1 Mengenalpasti gaya pembelajaran pelajar Tingkatan Empat.
- 1.4.2 Mengenalpasti penerimaan media sosial dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat.
- 1.4.3 Mengenalpasti penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat.
- 1.4.4 Mengenalpasti perbezaan gaya pembelajaran pelajar Tingkatan Empat berdasarkan jantina.
- 1.4.5 Mengenalpasti perbezaan gaya pembelajaran pelajar Tingkatan Empat berdasarkan bidang elektif.
- 1.4.6 Menentukan hubungan antara penerimaan dan penggunaan media sosial dengan gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat.
- 1.4.7 Mengenalpasti pengaruh penerimaan dan penggunaan media sosial terhadap gaya pembelajaran pelajar Tingkatan Empat.

## **1.5 Persoalan Kajian**

Berdasarkan kajian yang akan dibuat, pengkaji ingin mencari jawapan kepada beberapa persoalan iaitu:

- 1.5.1 Apakah tahap gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar Tingkatan Empat?
- 1.5.2 Apakah tahap penerimaan media sosial dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat?
- 1.5.3 Apakah tahap penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat?
- 1.5.4 Adakah terdapat perbezaan gaya pembelajaran pelajar Tingkatan Empat yang berlainan jantina?
- 1.5.5 Adakah terdapat perbezaan gaya pembelajaran pelajar Tingkatan Empat yang berlainan bidang elektif?
- 1.5.6 Adakah terdapat hubungan antara penerimaan dan penggunaan media sosial dengan gaya pembelajaran pelajar Tingkatan Empat?
- 1.5.7 Adakah terdapat pengaruh antara penerimaan dan penggunaan media sosial terhadap gaya pembelajaran pelajar Tingkatan Empat?

## **1.6 Hipotesis Kajian**

Hipotesis kajian berikut adalah bagi menjawab persoalan kajian 1.5.4 hingga 1.5.7

Hipotesis nol bagi kajian ini adalah seperti berikut:

- Ho1: Tidak terdapat perbezaan gaya pembelajaran yang signifikan dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat yang berlainan jantina.
- Ho2: Tidak terdapat perbezaan gaya pembelajaran yang signifikan dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat yang mengambil bidang elektif yang berlainan.
- Ho3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penerimaan media sosial dengan gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat.
- Ho4: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan media sosial terhadap gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat.
- Ho5: Tidak terdapat pengaruh yang signifikan oleh penerimaan media sosial terhadap gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat.
- Ho6: Tidak terdapat pengaruh yang signifikan oleh penggunaan media sosial terhadap gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat.

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Kajian berkenaan hubungan gaya pembelajaran dengan faktor-faktor penerimaan dan penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar sekolah menengah ini diharap dapat memberi manfaat kepada pelbagai pihak.

Dapatan kajian ini diharap dapat membantu pihak Kementerian Pendidikan untuk mendapatkan data penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar sekolah menengah yang diwakili oleh responden yang dipilih dari sekolah-sekolah menengah daerah Gombak. Data ini boleh digunakan untuk menyediakan garis panduan penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar. Data ini juga penting memandangkan pihak Kementerian Pendidikan sememangnya bercita-cita untuk menghasilkan pendidikan yang berteraskan Teknologi Multimedia.

Selain itu, dapatan kajian ini juga dapat memberi kesedaran kepada masyarakat betapa pentingnya peranan media sosial sebagai pemangkin kepada pembelajaran pelajar masa kini. Masyarakat sebelum ini sering mempersoalkan peranan media sosial terhadap pembelajaran pelajar dan sudah tiba masanya mereka pula memainkan peranan untuk menghasilkan aplikasi-aplikasi yang lebih menarik dan efektif, yang sesuai dan seiring dengan trend belajar sekarang.

Kajian ini juga dapat membantu guru untuk menyediakan pengajaran yang boleh diakses oleh pelajar di luar waktu persekolahan. Pengajaran guru akan menjadi lebih santai dan ini akan memberi peluang kepada pelajar yang pasif di dalam kelas untuk melibatkan diri. Kesediaan guru untuk menerima dan menggunakan media sosial sebagai salah satu cara pengajaran dan pembelajaran adalah penting untuk menjamin keberkesanannya. Kajian ini juga penting untuk mengenalpasti masalah pembelajaran pelajar akibat daripada teknik pengajaran yang tidak seiring dengan gaya pembelajaran mereka.

Sebagai penyelidik, kajian ini diperlukan untuk mengenal-pasti gaya pembelajaran pelajar dan perkaitannya dengan aktiviti media sosial mereka untuk tujuan pembelajaran. Akhir sekali, kajian ini dapat membantu pelajar untuk mengenal-pasti gaya pembelajaran yang sesuai dengan mereka dan seterusnya dapat menggunakan aktiviti kegemaran mereka sebagai salah satu cabang pembelajaran.

### **1.8 Batasan Kajian**

Kajian ini hanya melibatkan pelajar Tingkatan Empat dari Sekolah-sekolah Menengah Harian di daerah Gombak. Kajian ini juga hanya melibatkan sepuluh buah Sekolah Menengah Harian di daerah Gombak, tidak termasuk Sekolah Menengah Agama, Sekolah Menengah Vokasional, Sekolah Menengah Teknik dan Sekolah Berasrama Penuh dan melibatkan sampel yang dipilih melalui proses rawak sistematis.

Kajian ini hanya mengkaji gaya pembelajaran pelajar mengikut gaya pembelajaran Grasha-Riechmann yang terdiri daripada gaya pembelajaran bebas, mengelak, kolaboratif, bergantung, kompetif dan turut serta dan kajian yang dijalankan bertumpu kepada perbezaan gaya pembelajaran mengikut jantina dan bidang elektif pelajar sahaja.

Kajian ini merangkumi semua jenis aktiviti media sosial tanpa memfokuskan kepada aktiviti-aktiviti media sosial tertentu. Kajian berkaitan faktor-faktor penerimaan dan penggunaan media sosial pula hanya berdasarkan kepada responden secara umum tanpa mengkelaskan mereka mengikut jantina dan bidang elektif.

Data dikumpul melalui satu jenis instrumen kajian sahaja iaitu dengan menggunakan borang soal selidik. Borang soal selidik digunakan untuk kajian ini kerana pelajar telah familiar dengan penggunaannya dan soalan-soalan soal selidik ini mudah untuk dijawab oleh mereka. Akan tetapi, hanya ada beberapa sekolah yang membenarkan pelajar menjawab soal selidik tersebut semasa di sekolah, manakala terdapat juga sekolah yang meminta pelajar menjawabnya di rumah.

### **1.9 Definisi Istilah**

Definisi istilah ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu definisi konsep dan definisi operasional. Antara istilah-istilah penting yang digunakan di dalam kajian ini ialah:

#### **1.9.1 Gaya Pembelajaran**

Gaya pembelajaran lebih dikaitkan dengan bagaimana seseorang individu tersebut belajar dan bukan dikaitkan dengan apa yang telah dipelajari oleh seseorang. Menurut Felder dan Brent (2005), gaya pembelajaran merupakan cara seseorang individu menerima, mengekalkan dan menggunakan maklumat yang diperolehi. Gaya pembelajaran merupakan proses mengumpul maklumat dan pengalaman secara berterusan dan proses ini melibatkan perlaksanaan strategi supaya dapat membawa

kepada perubahan tingkah laku dan mencapai matlamat serta memperoleh pengetahuan, kebiasaan dan sikap positif. Gaya pembelajaran juga membawa maksud cara seseorang individu berinteraksi dengan sistem maklumat atau rangsangan dan kemudiannya memproses dan menganalisisnya untuk dijadikan pengetahuan (Zubaidah Begam Mohamed Zakaria, 2007).

Gaya pembelajaran yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah cara belajar seseorang individu semasa di dalam bilik darjah. Kajian ini dijalankan berdasarkan model gaya pembelajaran Grasha-Riechmann yang terdiri daripada gaya pembelajaran bebas, gaya pembelajaran mengelak, gaya pembelajaran kolaboratif, gaya pembelajaran bergantung, gaya pembelajaran kompetitif dan gaya pembelajaran turutserta. Gaya pembelajaran pelajar ini diukur menggunakan Inventori Skala Gaya Pembelajaran Grasha-Riechmann (1996) yang telah diubahsuai.

### **1.9.1.1 Gaya Pembelajaran Bebas**

Pelajar yang berdikari dalam menguruskan pembelajaran mereka kerana mereka mempunyai keyakinan terhadap kemampuan dan kebolehan diri mereka sendiri. Mereka akan mempelajari apa yang difikirkan penting kepada diri mereka dan cuba menyelesaikan segala kekeliruan secara sendiri sebelum merujuk kepada orang lain (Grasha-Riechmann, 1996).

Dalam kajian ini, kumpulan pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran bebas lebih suka menyiapkan tugas secara bersendirian dan belajar apa yang dirasakan penting dan mengikut kemampuan sendiri. Pelajar juga banyak belajar sendiri kerana mereka yakin dengan kebolehan mereka di samping cuba menyelesaikan sesuatu perkara yang tidak difahami. Selain itu, mereka juga akan membuat rujukan tambahan dan mempunyai pendapat sendiri tentang teknik pengajaran dan pembelajaran.

### **1.9.1.2 Gaya Pembelajaran Mengelak**

Pelajar yang bersifat pasif dan tidak mempunyai minat pada bahan pengajaran. Mereka beranggapan aktiviti pembelajaran merupakan sesuatu yang kurang menarik dan membosankan (Grasha-Riechmann, 1996).

Pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran mengelak dalam kajian ini selalu berangan-angan kerana menganggap aktiviti di dalam kelas membosankan. Mereka suka berbual, sukar memberi perhatian semasa di dalam kelas dan lebih suka jika guru tidak memberi perhatian kepada mereka kerana mereka telah berputus asa untuk mempelajari sesuatu. Mereka juga akan menunggu saat akhir untuk mengulangkaji pelajaran.

### **1.9.1.3 Gaya Pembelajaran Kolaboratif**

Pelajar yang suka belajar dan berkongsi idea dengan pelajar lain. Mereka boleh bekerjasama dengan pelajar lain di dalam kumpulan untuk mendapatkan sesuatu

daripada mereka. Ini membuatkan pelajar ini tidak dapat belajar secara sendiri kerana mereka terlalu bergantung kepada orang lain (Grasha-Riechmann, 1996).

Dalam kajian ini, kumpulan pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran kolaboratif seronok bekerjasama, saling bantu-membantu dan berkongsi idea dengan rakan ketika menjalankan aktiviti di dalam kelas selain gemar mendengar pendapat dan mengulangkaji bersama mereka sebelum peperiksaan. Mereka berpendapat kerjasama merupakan elemen penting dalam pembelajaran dan oleh itu pelajar perlu digalakkan untuk berkongsi pendapat dengan rakan lain.

#### **1.9.1.4 Gaya Pembelajaran Bergantung**

Pelajar yang amat bergantung kepada guru untuk memberikan bahan atau maklumat akademik selain bimbingan dan panduan. Mereka menghadapi masalah untuk belajar secara bersendiri. Mereka juga hanya belajar untuk menghadapi peperiksaan (Grasha-Riechmann, 1996).

Dalam kajian ini, mereka yang mengamalkan gaya pembelajaran bergantung gemar jika guru menjelaskan harapan mereka kepada pelajar dan memberitahu topik-topik penting selain memberi bimbingan yang rapi semasa sesi ulangkaji atau ketika membuat sesuatu tugas. Mereka tidak suka membuat keputusan sendiri tentang topik dan cara membuat tugas dan hanya membuat perkara yang diperlukan sahaja.

#### **1.9.1.5 Gaya Pembelajaran Kompetetif**

Pelajar yang mempunyai sikap suka bersaing bagi mencapai prestasi yang baik untuk mendapat pengiktirafan daripada guru. Pengiktirafan ini amat diperlukan untuk menghasilkan kerja yang cemerlang (Grasha-Riechmann, 1996).

Mereka yang mengamalkan gaya pembelajaran kompetitif dalam kajian ini berpendapat persaingan dengan rakan sekelas dan sikap agresif adalah perlu untuk mendapat keputusan yang baik. Mereka juga suka membandingkan prestasi mereka dengan rakan lain dalam peperiksaan atau tugas. Mereka memerlukan pengiktirafan dari guru atas hasil kerja mereka yang baik dan oleh itu mereka akan sentiasa memastikan tugas yang diberi dapat disiapkan lebih baik daripada pelajar lain kerana mereka sentiasa ingin menjadi pelajar yang terbaik.

#### **1.9.1.6 Gaya Pembelajaran Turutserta**

Pelajar yang sentiasa berminat dan melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti yang dijalankan di kelas. Mereka suka hadir ke kelas dan sentiasa memilih untuk duduk di bahagian hadapan (Grasha-Riechmann, 1996).

Dalam kajian ini, pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran turutserta akan sentiasa menghadiri kelas, terlibat secara aktif dan mengikut arahan guru kerana mereka lebih banyak mempelajari sesuatu semasa berada di kelas. Ini adalah kerana

mereka merasakan aktiviti di dalam kelas adalah menyeronokkan. Mereka juga akan memastikan setiap tugas akan disiapkan lebih awal.

### **1.9.2 Media Sosial**

Menurut Kaplan dan Haenlein (2010), media sosial adalah aplikasi internet yang dibina berasaskan ideologi dan teknologi web 2.0. Aplikasi ini membolehkan pengguna menghasilkan dan berkongsi sesuatu bahan. Media sosial menggunakan teknologi mudah alih dan teknologi berasaskan internet untuk menghasilkan platform interaktif. Platform ini membolehkan individu dan komuniti berbincang, menghasilkan, berkongsi atau mengubahsuai sesuatu bahan yang dihasilkan. Antara lima media sosial teratas di dunia iaitu *Facebook*, *Twitter*, *LinkedIn*, *Google+* dan *Pinterest*.

Media sosial yang dimaksudkan dalam kajian ini tidak bertumpukan kepada media sosial tertentu. Kajian ini mengkaji penerimaan dan penggunaan media sosial secara umum seperti *Facebook*, *Twitter*, *Youtube*, *Blog*, *WhatsApp* dan lain-lain yang digunakan dalam kalangan pelajar melalui soal-selidik yang diubahsuai daripada Model Penerimaan Teknologi (TAM).

#### **1.9.2.1 Penerimaan Media Sosial**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti apakah faktor yang menyebabkan pelajar menerima media sosial dalam kehidupan mereka. Berdasarkan Model Penerimaan Teknologi (TAM), terdapat dua pembolehubah asal iaitu faktor mudah guna dan faktor kemanfaatan dan dua pembolehubah tambahan iaitu faktor kaitan dan faktor rangkaian antara peribadi dan sosial digunakan untuk mengkaji penerimaan media sosial dalam kalangan pelajar ini.

##### **1.9.2.1.1 Faktor Mudah Guna (*Perceived Ease of Use*)**

Menurut Davis (1989), faktor ini merujuk kepada sejauh mana pengguna merasakan sesuatu sistem tersebut senang untuk difahami dan dipelajari oleh individu. Dalam kajian ini, faktor mudah guna memberi maksud individu tidak memerlukan usaha, masa dan tenaga yang banyak untuk menggunakan media sosial. Pembelajaran menggunakan media sosial adalah mudah kerana media sosial dapat diakses di mana sahaja dan pada bila-bila masa yang diperlukan. Aplikasi yang ditawarkan juga jelas dan mudah difahami dan mudah untuk digunakan. Interaksi menggunakan media sosial adalah sangat fleksibel dan nyata memudahkan tugas individu.

##### **1.9.2.1.2 Faktor Kemanfaatan (*Perceived Usefulness*)**

Faktor yang merujuk kepada media sosial dapat meningkatkan prestasi kerja individu (Davis, 1989). Faktor kemanfaatan dalam kajian ini memberi maksud faktor yang dapat menjadikan sesuatu kerja menjadi lebih efektif dan dalam masa yang sama meningkatkan produktiviti individu. Pengguna boleh menjimatkan perbelanjaan dan masa mereka kerana mereka tidak perlu berurus dengan mana-mana kaunter untuk

mendapatkan perkhidmatan. Mereka juga boleh mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan pelajaran dengan cepat justeru dapat meningkatkan prestasi dan produktiviti dalam pelajaran.

#### **1.9.2.1.3 Faktor Rangkaian antara Peribadi dan Sosial (*Interpersonal and Social Networks*)**

Menurut Park et al (2009), faktor ini merujuk kepada media sosial adalah medium komunikasi dan sosialisasi antara keluarga, saudara mara, sahabat handai, rakan sekolah, individu terkenal, ahli politik atau artis. Dalam kajian ini faktor rangkaian antara peribadi dan sosial merujuk kepada media sosial merupakan alat untuk berkomunikasi dan bersosial dengan keluarga, sahabat handai dan sesiapa sahaja yang mereka kehendaki. Penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar juga adalah disebabkan oleh penerimaan dan penggunaannya dalam kalangan guru.

#### **1.9.2.1.4 Faktor Kaitan (*Relevance*)**

Faktor yang merujuk kepada media sosial mempunyai perkaitan dengan kehidupan individu dari segi pekerjaan, kekeluargaan, kemasyarakatan mahupun pendidikan (Ali Salman dan Samsudin A. Rahim, 2012). Faktor kaitan dalam kajian ini memberi maksud media sosial banyak berkait dan mempunyai persamaan dengan kehidupan individu dari pelbagai aspek seperti pekerjaan dan pendidikan. Fungsi media sosial sebagai alat komunikasi adalah sama seperti fungsi telefon. Selain itu, fungsi media sosial sebagai sumber maklumat pula menyamai fungsi perpustakaan, televisyen atau radio. Mereka juga boleh menggunakan media sosial untuk berinteraksi dengan dunia luar dan dapat membantu pembelajaran.

### **1.9.2.2 Penggunaan Media Sosial**

Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti tujuan pelajar menggunakan media sosial sebagai salah satu aktiviti harian mereka. Terdapat empat pembolehubah penggunaan media sosial iaitu faktor motivasi interaksi sosial, faktor motivasi hiburan, faktor motivasi pembentukan identiti peribadi dan faktor motivasi perkongsian maklumat digunakan untuk mengkaji penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar.

#### **1.9.2.2.1 Motivasi Interaksi Sosial**

Faktor ini merujuk kepada penggunaan media sosial sebagai motivasi untuk berhubung dan berinteraksi dengan keluarga dan sahabat handai yang jauh dan dekat (Ika Destiana, Ali Salman dan Mohd Helmi Abd Rahim, 2013). Dalam kajian ini, motivasi interaksi sosial merujuk kepada media sosial digunakan untuk berhubung dengan ahli keluarga, saudara mara dan sahabat lama. Media sosial juga digunakan untuk mengikuti dan mengetahui keadaan, aktiviti dan berita mereka di samping terus berhubung dan berbincang berkenaan pelajaran dan isu semasa dengan sahabat yang berada di tempat lain.

#### **1.9.2.2.2 Motivasi Hiburan**

Faktor ini merujuk kepada penggunaan media sosial sebagai motivasi untuk mendapatkan hiburan apabila diperlukan (Ika Destiana, Ali Salman dan Mohd Helmi Abd Rahim, 2013). Dalam kajian ini faktor motivasi hiburan merujuk kepada media sosial digunakan untuk mengurangkan kebosanan, mencari hiburan dan mengisi masa lapang.

#### **1.9.2.2.3 Motivasi Pembentukan Identiti Peribadi**

Faktor ini merujuk kepada penggunaan media sosial sebagai motivasi untuk memperluaskan jaringan sosial selain daripada ahli keluarga dan sahabat handai. Jaringan ini mampu membentuk identiti individu untuk lebih terbuka dalam pergaulan (Ika Destiana, Ali Salman dan Mohd Helmi Abd Rahim, 2013). Penggunaan media sosial dalam kajian ini merujuk kepada penggunaannya untuk meningkatkan populariti dan membentuk identiti baharu. Media sosial juga digunakan untuk berkenalan dan bersahabat dengan sesiapa sahaja.

#### **1.9.2.2.4 Motivasi Perkongsian Maklumat**

Faktor ini merujuk kepada penggunaan media sosial sebagai motivasi untuk mendapat dan berkongsi maklumat tentang sesuatu isu atau perkara dengan orang lain yang mempunyai minat dan kecenderungan yang sama (Ika Destiana, Ali Salman dan Mohd Helmi Abd Rahim, 2013). Dalam kajian ini, faktor motivasi perkongsian maklumat merujuk kepada penggunaan media sosial untuk berbincang, berkongsi dan mendapatkan maklumat di samping membentuk kumpulan yang mempunyai minat dan kepentingan yang sama.

Faktor-faktor penerimaan dan penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar dinilai dengan menggunakan soal selidik yang diubahsuai daripada Model Penerimaan Teknologi (*Technology Acceptance Model*) oleh Davis (1989).

### **1.10 Rumusan**

Bab ini meliputi latar belakang kajian yang menjadi asas kepada pernyataan masalah, objektif dan persoalan kajian. Hipotesis kajian pula dibina bagi menjawab objektif kajian. Bab ini juga meliputi kepentingan dan batasan kajian juga definisi istilah yang digunakan di dalam kajian ini.

## BIBLIOGRAFI

- Ahmad Johari Sihe & Suaini Zakaria Muhammad, (2010). *Gaya Pembelajaran Pelajar-Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sains dan Matematik, Kemahiran Hidup Dan Pengajian Islam) Separuh Masa UTM Berdasarkan Skala Gaya Pembelajaran Grasha-Riechmann* (Tesis PhD yang tidak diterbitkan), Universiti Teknologi Malaysia.
- Ali Reza Baneshi, Mahnaz Dehgan Tezerjani & Hasan Mokhtarpour (2014). Grasha-Richmann college students' learning styles of classroom participation: role of gender and major. *Journal of Advances in Medical Education & Professionalism*, 2(3), 103-107.
- Ali Salman & Samsudin A. Rahim. 2012. New media and youth participation: towards nation building. Retrieved from <http://www.ukm.my/> [12 May 2016].
- Alias Baba, (1999). Research statistic in social science education. *Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Almadhoun, N. M., Dominic, P. D. D., & Lai, F. W. (2014). Investigation of perceived security, privacy and trust on social networking sites for stakeholder relationships development in Malaysian Universities. *International Journal of Business Information Systems*, 15(1): 1-21.
- Amnah Zanariah Abd. Razak & Noraini Azman (2012). Stail berfikir dan stail pembelajaran pelajar jururawat: Satu kajian kes di kolej jururawat murni. *AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 4(1), 14-31.
- Annand, D. (2011). Social presence within the community of inquiry framework. *The International Review of Research in Open and Distance Learning*, 12(5), 40–56.
- Azer, S. A. (2012). Can YouTube help students in learning surface anatomy? *Surgical and Radiologic Anatomy*, 34(5), 465-468.
- Azizi Yahaya, (2007). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan: Teori, analisis & interpretasi data*. PTS Professional.
- Balakrishnan, V. (2016). Learning via a Social Media Enabled Tool-Do Learning Styles Make a Difference?. *International Journal of Information and Education Technology*, 6(1), 35.
- Bandura, A. (1989). Social Cognitive Theory. In R, Vasta (Ed.), *Annals of child development*. Vol 6, 1-60.
- Batchelder, C. W. (2010). Social software: Participants' experience using social networking for learning (Doctoral dissertation, Capella University, 2010). ProQuest. (UMI No. 3398679).

- Baykul, Y., Gürsel, M., Sulak, H., & Ertekin, E. (2010). A Validity and Reliability Study of Grasha-Riechmann Student Learning Style Scale. *Surge*, 150, 7767.
- Bere, A. (2012, September). A comparative study of student experiences of ubiquitous learning via mobile devices and learner management systems at a South African university. In *2012 Conference*.
- Calisir, F., Atahan, L., & Saracoglu, M. (2013, October). Factors affecting social network sites usage on smartphones of students in Turkey. In *Proceedings of the World Congress on Engineering and Computer Science* (Vol. 2, pp. 23-25).
- Cassidy, S., & Eachus, P. (2000). *Learning style, academic belief systems, self-report student proficiency and academic achievement in higher education*. Educational Psychology, 20(3), 307-322.
- Chambers, A. (2010). Computer-assisted language learning: Mapping the territory. *Language Teaching*, 43(1), 113–122.
- Che Su Mustaffa & Nan Zakiah Megat Ibrahim, (2014). Persepsi dan penggunaan media sosial dari perspektif ibu bapa: Satu analisis kualitatif. *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication*, 30: 43-74.
- Cheng, G., & Chau, J. (2016). Exploring the relationships between learning styles, online participation, learning achievement and course satisfaction: An empirical study of a blended learning course. *British Journal of Educational Technology*, 47(2), 257-278.
- Chua, Y. P., (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Shah Alam, Selangor: McGraw- Hill (M).
- Chuah. K. M., (2013). Aplikasi Media Sosial Dalam Pembelajaran Bahasa Inggeris: Persepsi Pelajar Universiti. *Issues in Language Studies*, 2 (1): 56-63.
- Correa, T., Hinsley, A. W., & De Zuniga, H. G. (2010). Who interacts on the Web?: The intersection of users' personality and social media use. *Computers in Human Behavior*, 26(2), 247-253.
- Cox, T. D. (2008). Learning styles and students' attitudes toward the use of technology in higher and adult education classes. *Institute for Learning Styles Journal*, 1, 1-13.
- Dalen, D. V., & Meyer, W. J. (1979). *Understanding educational research. An introduction*. New York.
- Davis, F.D. 1989. Perceived usefulness, perceived ease of use, and user acceptance of information technology. *MIS Quarterly* 13(3): 319-340.
- Djaali, H., & Muljono, P. (2008). Pengukuran dalam bidang pendidikan. *Jakarta, Grasindo*.
- Downes, S. (2010). New technology supporting informal learning. *Journal of Emerging Technologies in Web Intelligence*, 2(1), 27-33.

- Felder, R. M., & Brent, R. (2005). Understanding student differences. *Journal of engineering education*, 94(1), 57-72.
- Felder, R.M., & L.K. Silverman. 1988. *Learning and Teaching Styles in Engineering Education*. Engineering Education 78: 674-681.
- George, D., & Mallory, M. (2003). Using SPSS for Windows step by step: a simple guide and reference.
- Graf, S., & Liu, T. C. (2009). Supporting teachers in identifying students' learning styles in learning management systems: an automatic student modelling approach. *Journal of Educational Technology & Society*, 12(4): 3-14.
- Grasha, AF. (1996). *Teaching with style: A practical guide to enhancing learning by understanding teaching and learning style*. Pittsburgh: Alliance publishers
- Grekinis, D. (2011). Self-reported perceptions and learning styles of undergraduate students using blogs in an environmental science course. *ICERI 2011 Proceedings*, 1445-1451.
- Hamidah Jaafar Sidek, Sarina Muhammad Noor, & Kamaruzaman Jusoff, (2009). The social interaction learning styles of science and social science students. *Asian Social Science*, 5(7): 58-64.
- Hartshorne, R., & Ajjan, H. (2009). Examining student decisions to adopt Web 2.0 technologies: theory and empirical tests. *Journal of computing in higher education*, 21(3), 183-198.
- Hogg, M. A., & Terry, D. J. (Eds.). (2014). *Social identity processes in organizational contexts*. Psychology Press.
- Huang, W. D., Yoo, S. J., & Choi, J. H. (2008, November). Correlating college students' learning styles and how they use Web 2.0 applications for learning. In *Proceedings of World Conference on E-Learning in Corporate, Government, Healthcare, and Higher Education* (pp. 2752-2759). Chesapeake, VA: AACE.
- Ika Destiana, Ali Salman & Mohd Helmi Abd. Rahim, (2013). Penerimaan media sosial: kajian dalam kalangan universiti di Palembang. *Malaysian Journal of Communication*, 29(2), 125-140.
- Junco, R., Heiberger, G., & Loken, E. (2011). The effect of Twitter on college student engagement and grades. *Journal of computer assisted learning*, 27(2), 119-132.
- Kaplan, A. M., & Haenlein, M. (2010). Users of the world, unite! The challenges and opportunities of Social Media. *Business horizons*, 53(1), 59-68.
- Kern, R. (2006). Perspectives on technology in learning and teaching languages. *TESOL Quarterly*, 40(1), 183-210.

Khalid Mohamed Nor (1993). *Kaedah Pembelajaran Berkesan*. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai M Sdn. Bhd.

Kop, R. (2011). The challenges to Connectivist learning on open online networks: Learning experiences during a massive open online course. *The International Review Of Research In Open And Distributed Learning*, 12(3), 19-38.

Lee, M. J., & McLoughlin, C. (2007). Teaching and learning in the Web 2.0 era: Empowering students through learner-generated content. *International journal of instructional technology and distance learning*, 4(10), 21-34.

Lenhart, A., Purcell, K., Smith, A., & Zickuhr, K. (2010). Social Media & Mobile Internet Use among Teens and Young Adults. Millennials. *Pew internet & American life project*: 1-37.

Madge, C., Meek, J., Wellens, J., & Hooley, T. (2009). Facebook, social integration and informal learning at university: 'It is more for socialising and talking to friends about work than for actually doing work'. *Learning, Media and Technology*, 34(2), 141-155.

Maloney, E. (2007). What Web 2.0 can teach us about learning. *Chronicle of higher education*, 53(18), 26-32.

Manjunatha, S. (2013). A Sociological Study on the Emergence and Growth of Online Shopping in India. *International Journal of Management and Social Sciences Research*, 2(8), 62-64.

McIntosh, E. (2005). From learning logs to learning blogs. *Scottish Centre for Information on Language Teaching and Research*.

Meor Ibrahim Kamaruddin & Assaadah Mohamad (2011). Kajian gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar UTM. *Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia. Journal of Educational Psychology and Counseling*, 2, 51-77.

Merriam, S. B. (2001). Andragogy and self-directed learning: Pillars of adult learning theory. *New directions for adult and continuing education*, 2001(89), 3-14.

Mohamad Rashidi Anang & Jamaludin Harun, (2011). *Tahap Penerimaan Media Sosial Bagi Proses Pengajaran Dan pembelajaran Dan Hubungannya Dengan Gaya Pembelajaran bagi Pelajar Tahun Akhir Fakulti Pendidikan* (Tesis PhD yang tidak diterbitkan), Universiti Teknologi Malaysia.

Mohammad Najib Abdul Ghafar, (1999). Penyelidikan pendidikan. *Kuala Lumpur: Penerbit UTM*.

Mohd Majid Konting, (1990). Educational research methods. *Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka*.

Mohd Majid Konting, (2000). Research Methods in Education. *Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka*.

- Mohd Majid Konting, (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Musbashra Khalid & Aroona Hashmi, (2014). Revisiting High School Students' Learning Styles in English Subject. *Global Journal of Human-Social Science Research*, 14(5), 9-15.
- O'Faithaigh, Mairtin. (2000). The social-interaction learning styles of Irish adult learners: Some empirical findings. U.S. Department of Education. (In ERIC Document Reproduction Service No. ED 465017).
- Ong Sze Chong & Zamri Mahamod (2014). Gaya pembelajaran pelajar Bahasa Melayu berdasarkan gaya pembelajaran Grasha. *Journal of Applied Research in Education*, 18 (2014), 52-66.
- Ozgen, K., & Bindak, R. (2012). Examining student opinions on computer use based on the learning styles in mathematics education. *TOJET: The Turkish Online Journal of Educational Technology*, 11(1).
- Pallant, J. (2010). SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using SPSS . Maidenhead.
- Park, S.Y. 2009. An analysis of the technology acceptancemodel in understanding university students' behavioural intention to use e-learning. *Educational Technology & Society* 12(3), 150-162.
- Peslak, A., Ceccucci, W., & Sendall, P. (2010). An empirical study of instant messaging (IM) behavior using theory of reasoned action. *Journal of Behavioral and Applied Management*, 11(3): 263-279.
- Piaget, J. (1997). *The moral judgement of the child*. Simon and Schuster.
- Popescu, E. (2014). Providing collaborative learning support with social media in an integrated environment. *World Wide Web*, 17(2), 199-212.
- Quan-Haase, A., & Young, A. L. (2010). Uses and gratifications of social media: A comparison of Facebook and instant messaging. *Bulletin of Science, Technology & Society*, 30(5), 350-361.
- Ractham, P., & Firpo, D. (2011, January). Using social networking technology to enhance learning in higher education: A case study using Facebook. In *System Sciences (HICSS), 2011 44th Hawaii International Conference on* :1-10. IEEE.
- Raman, A., Ruuhina Mohd Sani, & Kaur, P. (2014). Facebook as a collaborative and communication tool: a study of secondary school students in Malaysia. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 155: 141-146.

Rossafri Mohamad & Shabariah Mohamad Shariff, (2011). Kesan penggunaan laman sosial ke atas kaedah perbincangan di dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah. [Effect of Social media usage on discussion approach in teaching and learning of History subject]. *Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia*, 1(1), 75-80.

Rozalina Khalid, Ahmad Azman Mokhtar, Mohd Sofian Omar-Fauzee, Abd. Latif Kasim, Yahya Don, Nurul Fatni Abdussyukur, & Geok, S. K. (2013). The Learning Styles and Academic Achievements among Arts and Science Streams Student. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 2, 68-85.

Ruslin Amira & Zalizan Mohd Jelas, (2010). Teaching and Learning Styles in Higher Education Institutions: Do They Match?. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 7, 680-684.

Saeed, N., & Yang, Y. (2008, July). Using learning styles and preferences to incorporate emerging e-learning tools in teaching. In *2008 Eighth IEEE International Conference on Advanced Learning Technologies* (pp. 967-971). IEEE.

Shahsavar, Z., & Tan, B. H. (2010, October). The influence of students' cognitive styles on their attitudes toward using blogs. In *E-Learn: World Conference on E-Learning in Corporate, Government, Healthcare, and Higher Education* (Vol. 2010, No. 1, pp. 2158-2164).

Siemen, G. (2005, January). Connectivism: A learning theory for the digital age. *International Journal of Instructional Technology & Distance Learning*, 2(1): 3-10.

Siti Hajar Halili, Rafiza Abdul Razak, & Zamzami Zainuddin, (2014) *Enhancing collaborative learning in flipped classroom*. In: International Conference on Science, Engineering and Built Environment, 24-27 Nov 2014, Bali, Indonesia.

Sponcil, M., & Gitimu, P. (2013). Use of social media by college students: Relationship to communication and self-concept. *Journal of Technology Research*, 4, 1: 1-13.

Supatra Wanpen, (2012). The Relationship between Learning Styles and the Social Network Use of Tertiary Level Students. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 88(2013), 334-339.

Tan Mingjie & Shao Peiji, (2014). Designing the System Architecture of E-Learning 2.0-based Learning Management System for Distance Education[J]; *Distance Education in China*; 2011-09

Tham, J., & Ahmed, N. (2011). The usage and implications of social networking sites: A survey of college students. *Journal of interpersonal, intercultural and mass communication*, 2(1): 1-11.

- Uma Sekaran. (2000). *Research methods for business: A skill-building approach*. John Wiley & Sons.
- Utusan Online 6 Mei 2016 from <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/najib-umum-tablet-untuk-guru-1.318041#sthash.xWhUEye8.dpu>
- Venkatesh, V., Morris, M. G., Davis, F. D. (2003). User acceptance of information technology: Toward a unified view. *MIS quarterly*, 27(3): 425-478.
- Waleed Mugahed Al-Rahmi & Mohd Shahizan Othman, (2013). Using TAM model to measure the use of social media for collaborative learning. *International Journal of Engineering Trends and Technology (IJETT)*, 5(2): 90-95.
- Wardrip-Fruin, N., & Montfort, N. (2003). The new media reader. Cambridge: MIT Press.
- Weller, M. (2011). A pedagogy of abundance. *Spanish Journal of Pedagogy*, 249, 223–236.
- Wiersma, W. (Ed.). (2000). *Research methods in education: An introduction* (Vol. 1). Allyn & Bacon.
- Zaidatun Tasir, Jacqueline S. Linggu, Jamalludin Harun, Penggunaan Alat Rangkaian Sosial di Kalangan Pelajar di sebuah IPTS di Kota Kinabalu, Malaysia. *Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia*, 1(1), 31-47, 2011.
- Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi, Melor Md Yunus, Maimun Aqsha Lubis, & Chong, O. S. (2010). Comparative learning styles of Malay language among native and non-native students. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 9, 1042-1047.
- Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, & Juliawati Ibrahim, (2009). Perbandingan gaya pengajaran guru bahasa melayu dan guru bahasa inggeris. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 67-92.
- Zaremohzzabieh, Z., Samah, B. A., Omar, S. Z., Bolong, J., & Kamarudin, N. A. (2014). Addictive Facebook use among university students. *Asian Social Science*, 10(6): 107-116.
- Zubaidah Begam Mohamed Zakaria (2007). *Hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik: Tinjauan di kalangan pelajar-pelajar sarjana muda pendidikan tahun pertama, UTM, Johor*, (Tesis Master yang tidak diterbitkan) Universiti Teknologi Malaysia.